

27/08/2002

Penjajah tidak pernah berputus asa

SHAH ALAM, Isnin - Penjajah tidak akan berputus asa untuk kembali menjajah negara ini walau dengan apa cara sekalipun, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika mereka tidak dapat menjajah semula menggunakan kekuatan ketenteraan, penjajah akan menggunakan cara lain seperti kata pepatah "tidak dapat tanduk telinga dipulas".

"Jangan fikir penjajah dulu sudah berputus asa. Mereka adalah seperti harimau belang yang tidak lupa belangnya

"Jagalah kemerdekaan ini daripada penjajahan semula," katanya semasa berucap merasmikan Festival Kemerdekaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2002, di sini malam ini.

Turut hadir, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo; Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Aziz Shamsuddin; Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Abu Sujak Mahmud; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM; Datuk Wira Abdul Rahman Arshad dan Naib Canselor UiTM, Datuk Ibrahim Abu Shah. Kira-kira 15,000 pelajar menghadiri majlis itu.

Dr Mahathir berkata, percubaan menjajah semula dibuat pada 1997 apabila mereka menjatuhkan nilai mata wang Malaysia serta negara jiran sehingga menjadi miskin.

"Perkara penting dalam mempertahankan negara ialah menghargai kemerdekaan itu sendiri selain rakyat perlu bersatu padu seperti yang dilakukan semasa menentang Malayan Union tajaan penjajah British pada 1946," katanya.

Beliau berkata, selain itu, rakyat perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan bidang sains, matematik, kejuruteraan dan pelbagai bidang profesional lain yang boleh digunakan bagi mempertahankan kemerdekaan.

"Kalau perlu berperang kita akan berperang dengan kekuatan kita sendiri. Dengan ilmu yang kita ada, barulah kita boleh mencipta senjata kita sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mungkin boleh mencipta senjata bermula dengan alatan kecil, tetapi akhirnya dengan semangat dan disiplin tinggi, boleh mendirikan industri senjata sendiri.

"Mempertahankan agama dan bangsa adalah fardu kifayah terhadap umat Islam dan sekiranya kita menjalankan tanggungjawab mempertahankan kedua-duanya itu barulah kita mengikut ajaran Islam sebenar," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir mengumumkan cuti sehari kepada warga UiTM kerana kesungguhan penuntut memeriahkan majlis itu walaupun dalam keadaan hujan.

"Ramai yang sanggup tunggu ucapan saya walaupun hujan turun. Mungkin ada yang kena demam. Jadi, saya fikir esok baiklah beri cuti sehari," katanya dengan disambut sorakan ribuan penuntut.